

13 MAR 1996

Muhyiddin - Disiplin

PM SEKALI LAGI MENEGUR DISIPLIN ATLET MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 13 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir hari ini sekali lagi mengingatkan atlet Malaysia supaya lebih berdisiplin dalam semua lapangan sukan berikutan pemerhatian beliau pada kejohanan lumba basikal Jelajah Langkawi baru-baru ini.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata Dr Mahathir telah mengulangi tegurannya mengenai disiplin atlet semasa mesyuarat mingguan Kabinet di sini hari ini.

Beliau berkata Perdana Menteri juga menggesa supaya atlet dalam semua lapangan sukan termasuk badminton dan bola sepak menyemaikan nilai-nilai disiplin yang kuat untuk mencapai taraf tinggi di peringkat antarabangsa.

"Dr Mahathir sedang memberi pengawasan rapi kepada aktiviti-aktiviti sukan di sini berikutan pemerhatian beliau ke atas peserta-peserta luar negara dalam kejohanan berbasikal itu," katanya kepada pemberita selepas melawat pasukan hoki kebangsaan berlatih di Stadium Tun Razak di sini.

Dr Mahathir ialah penaung kejohanan kelas dunia itu yang berakhir di Langkawi.

Muhyiddin juga berkata satu Konvensyen Sukan Kebangsaan akan diadakan di Langkawi bulan depan untuk membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan sukan termasuk disiplin dan sikap atlet dan pegawai.

"Kita berharap akan dapat merumuskan peraturan-peraturan untuk diikuti atlet dan pegawai semua jenis sukan," kata beliau

Mengenai hoki, Muhyiddin berkata Majlis Sukan Negara (MSN) akan memperuntukkan sejumlah RM3.8 juta untuk empat tahun akan datang bagi membuat persediaan pasukan kebangsaan bawah 16, 18, 21 dan pasukan senior untuk Sukan Komanwel 1998.

Beliau berkata skuad hoki yang akan ke Sukan Olimpik Atlanta Julai depan perlu mengekalkan semangat tinggi untuk mencapai sasaran tempat enam ke atas.

Malaysia menduduki tempat ke sembilan dalam Sukan Olimpik Barcelona.

Timbalan presiden Persekutuan Hoki Malaysia (MHF), Datuk P. Alagendra, yang memberi taklimat mengenai persediaan pasukan itu kepada Muhyiddin, berkata pasukan itu akan mengadakan dua perlawanan ujian dengan Australia dan ada cadangan untuk mengadakan perlawanan yang sama dengan Jerman sebelum ke Atlanta.

Kata beliau, Belanda, India, Britan dan Korea Selatan telah dipelawa untuk menyertai Jemputan Antarabangsa Sultan Azlan Shah di Ipoh dari 4 hingga 12 Mei.

Alagendra juga berkata enam pemain muda akan menyertai 23 pemain senior dalam latihan untuk memilih 16 anggota skuad yang akan ke Atlanta.

Pada persidangan berita kemudian, Muhyiddin berkata beliau akan membuat pengawasan rapi ke atas kemudahan-kemudahan yang dibuat untuk Sukan Komanwel 1998 dan menggesa kontraktor-kontraktor supaya mula memperbaiki kemudahan-kemudahan itu secepat mungkin.

"Sekiranya kemudahan itu cepat disiapkan kita akan dapat mencubanya. Atlet kita juga akan dapat membiasakan diri dengan kemudahan-kemudahan itu," kata beliau. Menurut beliau semua kemudahan akan siap pada separuh kedua tahun depan, kecuali stadium utama di Bukit Jalil, dekat sini.

"Pembinaan stadium utama itu masih lagi mengikut masa yang diberi kepada kontraktor dan sekiranya mereka mempunyai masalah pentadbiran, mereka mesti memberitahu kami dengan segera," kata beliau. -- Bernama

DC WAT AHH

